

Dasar hantar pelajar ke luar negara diterus

IPT tempatan masih kekurangan tempat kursus kritikal

BH-30/5/2007

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan tetap meneruskan dasar menghantar pelajar untuk melanjutkan pengajian ke luar negara walaupun pada masa sama turut melaksanakan pelbagai promosi bagi menarik kemasukan penuntut asing, terutama dari Asia Barat.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kerajaan tidak boleh menyekat pelaksanaan program itu kerana institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini masih kekurangan tempat bagi menawarkan kursus tertentu seperti bidang perubatan.

“Walaupun dasar ini dikekalkan, kita tetap membina kapasiti untuk mengekalkan sebahagian daripada pelajar terbaik di sini bagi menarik pelajar asing untuk datang belajar di universiti tempatan,” katanya selepas menjadi ahli panel Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) yang memfokuskan bidang pendidikan, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Mustapa berkata, dasar pengekal sebahagian pelajar terbaik di IPT tempatan, bakal memberi banyak manfaat kepada negara ini kerana ia mampu menarik kehadiran lebih ramai pelajar asing, khususnya dari Asia Barat.

Katanya, ketika ini wujud kecenderungan di kalangan ibu bapa di beberapa negara di wilayah terbabit menghantar anak mereka melanjutkan pengajian di negara Islam seperti Malaysia, berbanding negara Barat sebelumnya.

Beliau berkata, berikutan perkembangan itu, kerajaan mengambil keputusan untuk memperluaskan promosi di kalangan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi menggalakkan kemasukan pelajar mereka ke sini.

“Kalau dulu sebahagian pelajar da-



PERTINGKAT PROMOSI: Mustapa memfokuskan bidang pendidikan pada Forum Ekonomi Islam Sedunia, di PWTC, semalam.

ri negara ini dihantar belajar ke Amerika Syarikat atau Eropah, tetapi sekarang ini sudah ada perubahan walaupun ia agak perlahan khususnya membabitkan mereka daripada keluarga kaya.

“Bagi negara kurang kaya, mereka sudah melihat Malaysia sebagai negara berpotensi bagi menghantar pelajar melanjutkan pengajian. Sebab itu, kita bersetuju meningkatkan promosi ini ke seluruh negara anggota OIC,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Mustapa berkata, kementeriannya sedang melaksanakan pelbagai usaha bagi mengatasi masalah pelajar yang menamatkan pengajian di IPT tetapi tidak diterima bekerja berikutan gagal memenuhi keperluan semasa.

Katanya, satu daripada pendekatan berjaya setakat ini adalah me-

latih semula graduan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi tempoh empat hingga lima bulan melalui program pensijilan.

“Pada awal tahun ini kita memilih 500 graduan ICT untuk dilatih de-

ngan beberapa syarikat multinasional di seluruh negara dan sebahagian besarnya sudah pun berjaya mendapat pekerjaan.

“Selepas ini, kita bersetuju untuk melatih 1,065 graduan ICT baru, sebelum menambah bilangan itu kepada 3,000 orang,” katanya.

Sambil mengakui isu terbabit bukan perkara baru, Mustapa berkata, mulai semester depan, semua universiti tempatan akan melaksanakan program meningkatkan kemahiran pelajar bagi membolehkan mereka mudah diterima oleh pasaran pekerjaan.

Katanya, kurikulum itu akan meliputi pelbagai aspek bertujuan memperkasakan mereka dengan elemen positif seperti sikap yang betul, keinginan untuk terus belajar serta bidang kepimpinan.

FAKTA NOMBOR

Dasar IPT

60,000

Pelajar Malaysia di luar negara

3,000

Graduan ICT akan dilatih di syarikat multinasional